



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM.TAW.900-1 JLD 16(22)
Tarikh : 5 September 2024

**Ketua Jabatan
Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Daerah Tawau/Kunak/Semporna/Lahad Datu**

YBhg. Datuk/Tuan/ Puan,

**PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN (PINDAAN 2023) BAGI ARAHAN
PERBENDAHARAAN (AP) 11, AP 100, AP 101 DAN AP 102**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Ruj. MOF.BKSK.600-1/7/1 Jld. 3 (2) bertarikh 17 Julai 2024 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan MOF telah mengkaji semula Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) bagi AP 11, AP 100, AP101 dan AP 102 dengan tujuan memperkasakan AP agar seiring dengan peredaran masa dan juga ke arah memperkasakan dasar pendigitalan sektor awam. Di samping itu, pindaan melibatkan AP100(a) dan AP 100(b) adalah selaras dengan prinsip "*Let Managers Manage*" bagi meningkatkan lagi penyampaian mutu perkhidmatan awam dan memudah cara serta menambah baik proses kerja berkaitan dengan tuntutan penjawat awam. AP yang diguna pakai setakat ini dikeluarkan pada 24 Februari 2023.

3. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Edaran MOF untuk makluman dan tindakan YBhg. Datuk/Tuan/ Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

(ERMAWATI BINTI MUHAMAD JAIZ)
Ketua Unit Pengurusan Dana
b.p. Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Tawau